

ARAHAN 18/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 12 Syawal 1441 bersamaan dengan 4 Jun 2020,
 - 1.1. Mengambil kira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19 di negara ini, seperti berikut:
 - Tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial kali ini akan melibatkan sekolah tuisyen dan sekolah muzik, yang mana hanya kelas persendirian atau one-on-one classes sahaja dibenarkan buat sementara waktu.
 - Tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial ini akan bermula pada hari Jumaat, 13 Syawal 1441H bersamaan dengan 5 Jun 2020.

- Pengurus-pengurus bagi kesemua premis-premis yang disebutkan di atas adalah dikehendaki untuk:
 - i) Mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis tersebut dan seterusnya mencetak kod QR dan melekatkannya di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis;
 - ii) Melakukan pemeriksaan suhu badan pengunjung di pintu masuk dan memastikan pengunjung mematuhi garis panduan penjarakan sosial; dan
 - iii) Menasihatkan sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan dan orang berisiko tinggi untuk tidak hadir ke premis berkenaan.
- 2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020